

**EDITOR, MEJA BERITA**

**UNTUK SIARAN SEGERA**

**HUKUMAN LEBIH BERAT DIPERLUKAN TERHADAP PENDERA KANAK-KANAK**

**KUALA LUMPUR (12 NOVEMBER 2024)** - Pesuruhjaya Kanak-Kanak (CC) Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia mempersoalkan hukuman penjara 14 hari dan denda sebanyak RM10,000 setiap seorang yang diputuskan oleh Mahkamah Sesyen ke atas seorang ibu muda dan dua rakannya yang didapati bersalah mendera anak lelaki ibu muda tersebut yang berusia 3 tahun, seperti yang dilaporkan akhbar semalam.

Hukuman penjara selama 14 hari daripada tempoh maksimum penjara selama 20 tahun yang diperuntukkan di bawah Seksyen 31 Akta Kanak-Kanak 2001 untuk kesalahan yang telah menjadi isu kepentingan awam tersebut, adalah sangat ringan dan gagal menterjemahkan rasa jengkel masyarakat terhadap perbuatan pesalah yang kejam. Kita semua memahami bahawa ibu tersebut ialah seorang pesalah muda, namun tujuan pembalasan dan pencegahan dalam hukuman hendaklah ditegakkan, terutamanya sekali apabila kesalahan itu serius dan menyasarkan mangsa yang tidak berdaya.

Laporan menunjukkan bahawa kanak-kanak tersebut telah dikurung dalam sangkar kerana ibunya mendakwa terpaksa berbuat demikian untuk pergi bekerja. Kanak-kanak juga telah ditendang oleh dua orang rakan ibunya sementara ibunya hanya melihat perbuatan tersebut. Kanak-kanak itu didapati mengalami kecederaan pada bahagian perut, kening, beberapa anggota badan, dan belakang.

CC menegaskan bahawa perbuatan mereka adalah tidak berperikemanusiaan dan menyeru Timbalan Pendakwa Raya (TPR) untuk memfailkan Notis Rayuan dengan segera bagi memberi mesej yang jelas kepada masyarakat bahawa penderaan kanak-kanak adalah sama sekali tidak boleh diterima. CC juga menggesa pihak berkuasa yang berkaitan untuk membuat susulan lanjut berhubung kebajikan kanak-kanak tersebut bagi memastikan kepentingan terbaiknya dilindungi. CC mengesyorkan supaya kanak-kanak tersebut ditempatkan dengan keluarga angkat yang dikenalnya, manakala ibunya pula perlu menjalani sekurang-kurangnya enam bulan kaunseling untuk menangani kelemahannya dalam memberikan penjagaan yang terbaik terhadap kanak-kanak.

CC ingin mengingatkan semua pemegang taruh yang terlibat dalam menjaga kebajikan kanak-kanak akan kata-kata para hakim bijaksana dalam kes Mahkamah Rayuan DPP vs. Asmarani bt Ghazali: “Apabila berurusan dengan kanak-kanak, tidak boleh ada ruang untuk kesilapan atau kegagalan. Kanak-kanak adalah golongan yang lemah dan tidak berdaya serta memerlukan masyarakat dan undang-undang untuk melindungi kepentingan mereka, yang mana ia tidak boleh diketepikan atau dikompromi oleh kesalahan dan pertimbangan sambil lewa oleh orang dewasa.”

**-TAMAT-**

**Dr Farah Nini Dusuki**  
**Pesuruhjaya Kanak-Kanak**  
**Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)**  
**12 November 2024**